

Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Negara

Oleh **NUR ATIKAH IBRAHIM**

Kedudukan bahasa Melayu jelas berdasarkan Fasal 152 (1) Perlembagaan Persekutuan. Namun sejauh manakah bahasa Melayu dinobatkan sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara? Adakah peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan hanya termaktub dalam perlembagaan sahaja, tanpa direalisasikan? Jika benar, apakah punca yang menyebabkan bahasa negara direndahkan martabatnya di bumi sendiri? Selain itu, pelbagai cabaran sedang mengasak bahasa Melayu dalam usaha untuk memartabatkan bahasa ini sebagai bahasa negara, sama ada cabaran berbentuk dalaman mahupun luaran. Cabaran dalaman merujuk persepsi terhadap maksud kuantiti dan mutu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Selain itu, dimaksudkan juga penggunaan bahasa Melayu itu sendiri. Cabaran luaran pula, merujuk kedwibahasaan, hambatan pelaksanaan dasar bahasa dan faktor globalisasi, yang menjadi cabaran besar untuk memartabatkan bahasa Melayu. Para pejuang dan aktivis bahasa seolah-olah tidak mampu mengengkang pelbagai tindakan dan hujah daripada pihak tertentu yang cuba menegakkan kedudukan bahasa Inggeris. Mereka bagai kehilangan punca, lebih-lebih lagi terdapat dalam kalangan pihak tertentu yang cuba menonjolkan kehebatan dan keistimewaan bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, langkah yang sewajarnya harus diambil untuk mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Cabaran utama untuk memartabatkan bahasa Melayu adalah dari segi politik, yakni dasar pemerintah yang dilihat seolah-olah menyempitkan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Kebanyakan dasar yang dilaksanakan pada hari ini,

dilihat seolah-olah merendahkan martabat dan taraf bahasa Melayu. Sebelum ini, rakyat Malaysia terkesima oleh isu yang menggegarkan alam pendidikan di Malaysia, apabila diperkenalkan dasar pengajaran dan pembelajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) bagi peringkat sekolah rendah dan menengah pada tahun 2003. Isu ini menjadi mimpi ngeri kepada pelajar, pendidik, pengkritik, pejuang, penutur, pencinta dan penggiat bahasa Melayu. Pelbagai usul protes dan demonstrasi aman dilakukan sebagai usaha supaya PPSMI dimansuhkan. Walau bagaimanapun, segala tindakan dan usaha pemansuhan PPSMI memakan masa disebabkan karehna birokrasi dan campur tangan individu tertentu yang berpemikiran dangkal. Dasar PPSMI juga secara tidak langsung turut merendahkan taraf dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Tindakan tersebut juga, jelas melanggar dasar bahasa kebangsaan, yang sudah sekian lama termaktub dalam perlembagaan. Akibatnya, dengan sekelip mata bahasa kebangsaan diketepikan, dan fungsinya dipandang sepi. Selain itu, ahli politik juga dilihat tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk menggunakan serta mengangkut martabat bahasa Melayu. Sebagai contoh, ketika Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengusahakan penglibatan sektor swasta menggunakan bahasa kebangsaan pada papan tanda dan iklan perniagaan mereka. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (*The Star* pada 1 Januari 2004) mengeluarkan kenyataan bahawa penggunaan bahasa kebangsaan tidak akan diwajibkan lagi pada papan tanda dan iklan. Kenyataan tersebut secara tidak langsung, memusnahkan harapan DBP untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Malah usaha, yang dilakukan oleh DBP untuk

meningkatkan taraf bahasa Melayu sekadar sia-sia, jika tiada sokongan daripada pihak pemerintah.

Selain itu, sikap sektor perundangan yang menyempitkan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi juga dilihat sebagai salah satu cabaran yang perlu dihadapi dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Jika dilihat di dalam kamar mahkamah, jelas terdapat papan tanda yang bertulis "Gunakan Bahasa Kebangsaan". Kewujudan papan tanda itu dilihat salah satu cara kerajaan melaksanakan langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di mahkamah, namun sejauh manakah keberkesannya? Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Kongres Bahasa dan Perserutan Melayu IV (2002: 46), pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di sektor ini ternyata tidak memuaskan. Faktor utama yang menyebabkan kelambatan itu ialah peruntukan tertentu yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/7 yang sama ada mewajibkan atau mengizinkan penggunaan bahasa Inggeris dalam sektor ini.

Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah jika kita melihat dan mendengar para hakim dan peguam yang masih gagal menguasai bahasa Melayu dengan sempurna, malah lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris semasa mengendalikannya kes perbicaraan. Walhal hakim dan peguam tersebut mendapat pendidikan di Malaysia, dan paling sedihnya individu yang dihakimi itu ialah orang Melayu tempatan. Segala dokumen pertuduhan, notis perbicaraan dan dokumen berkaitan yang difaillkan turut menggunakan bahasa Inggeris, walaupun plaintiff atau defenden ialah warganegara Malaysia yang fasih berbahasa Melayu. Ketua Kluster Governors, Perundangan dan Pengurusan Awam Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Dr. Nik

Ahmad Kamal Nik Mahmood ketika diminta mengulas penggunaan bahasa Melayu di mahkamah menyatakan, dokumen dan surat yang dihantar ke mahkamah di negara ini diwajibkan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Walau bagaimanapun, apa yang menjadi halangannya apabila tiada usaha secara bersama daripada pihak mahkamah sendiri bagi merealisasikan arahan itu. (*Sinar Harian*, 16 Mac 2015). Kenyataan tersebut jelas menunjukkan, bahawa sektor perundangan, khasnya pihak mahkamah tidak bersungguh-sungguh menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi perundangan. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan bahasa Melayu terpinggir dalam sektor perundangan dan sekali gus merendahkan fungsinya sebagai bahasa negara. Kita bukan menolak penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya kerana bahasa tersebut masih relevan untuk dipelajari sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi global. Walau bagaimanapun, ketasabuan menggunakan bahasa Inggeris sehingga melangkaui hadnya, boleh merencatkan usaha untuk memartabatkan nilai agung bahasa Melayu itu sendiri dan mencabul kedaulatan bahasa Melayu tanpa kita sedari, terutamanya dalam bidang utama negara.

Cabaran seterusnya dalam usaha pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa negara ialah sikap masyarakat kita yang cuba memberikan nilai ekonomi yang lebih tinggi kepada bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Melayu. Nilai inilah yang digunakan untuk membezakan fungsi bahasa pertama dengan fungsi bahasa kedua. Nilai bahasa pertama sebagai pengungkap tamadun bangsa atau sebagai penjana kemajuan negara berdasarkan acuan budaya dan nilai bangsa sendiri diabaikan padahal fungsi yang sedemikian

inilah sangat penting. Menurut Jeniri Amir (2013:10), nilai ekonomi merujuk sejauh mana sesuatu bahasa diberikan nilai dari segi komersial, peluang pekerjaan atau memiliki potensi untuk seseorang yang menguasai dan menggunakannya dalam kehidupan, kerja dan profesionalnya. Pada hari ini, kebanyakan masyarakat kita, mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin kerana beranggapan bahasa itu berpotensi untuk mengubah nasib dan kedudukan mereka. Malah dengan menguasai bahasa Inggeris mereka berpendapat bahawa masa hadapan mereka lebih cerah untuk menapak maju dalam kehidupan. Hal yang sedemikian ini secara tidak langsung menunjukkan betapa masyarakat kita terlalu meletakkan nilai ekonomi yang tinggi terhadap bahasa Inggeris, dan meminggirkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang merupakan lambang jati diri kita semua.

Cabaran seterusnya, bahasa Melayu tidak dapat memainkan peranannya dengan lebih meluas dalam semua aspek kehidupan di Malaysia adalah disebabkan sikap bangsanya sendiri, yang mendakwa bahawa bahasa Melayu tidak sempurna, tidak standard, tidak bersifat antarabangsa, tidak berprestij, dan tidak mungkin dapat menyai bahasa Inggeris. Hal ini disebabkan berabad lamanya, bangsa Malaysia dididik untuk menganggap bahawa apa-apa yang datang dari luar itu sentiasa lebih baik berbanding dengan apa-apa yang dimilikinya dan hal yang sedemikian ini termasuklah soal bahasa. Lantaran itu, utakhir ini, ramai yang tidak mementingkan bahasa kebangsaan, iaitu sama ada dalam komunikasi formal, mahupun dalam perhubungan sosial. Hal yang sedemikian ini secara tidak langsung memberikan kesan yang buruk kepada citra bahasa kebangsaan. Sikap ketidakpercayaan masyarakat Malaysia terhadap bahasa Melayu

sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan juga sedikit sebanyak menyebabkan mutu bahasa Melayu tercalar dan sekali gus menjatuhkan nilai bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Selain itu, sikap tidak menghormati dan menyanggahi bahasa Melayu juga merupakan racun yang kian menular dalam kalangan masyarakat, dan lebih parah lagi apabila bahasa ibunda atau bahasa kebangsaan dilihat oleh penggunanya sebagai tanda kemunduran. Keadaan ini lebih menyedihkan jika golongan yang memandang rendah, atau hilang sifat cinta dan bangga akan bahasa Melayu, ialah orang Melayu sendiri. Secara tidak langsung, hal yang sedemikian ini menyebabkan bangsa lain turut memandang rendah bahasa kebangsaan lantas menjadi penyebab kegagalan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara, yang boleh dibanggakan oleh semua masyarakat penggunanya.

Selain itu, cabaran yang kita turut hadapi dalam permartabatan bahasa Melayu ialah sikap media atau bidang penyiaran di negara ini yang sering kali meminggirkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Pada hari ini, kebanyakan rancangan televisyen termasuk slot berita, sering kali kita melihat pengacara dan tokoh yang diawancarai menggunakan bahasa Melayu yang dicampur adukkan dengan bahasa Inggeris. Begitu juga, dialog, drama dan filem yang disiarkan melalui media elektronik, terutama televisyen dan radio. Mereka sentiasa menggunakan bahasa rojak. Pada pandangan mereka, tujuan mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris ketika bercakap dan mengendalikan sesuatu rancangan bertujuan untuk menampilkan kehebatan mereka. Tindakan ini secara tidak langsung turut menjatuhkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Di samping itu, iklan di media massa,

terutamanya iklan televisyen, sering kali menggunakan bahasa Inggeris, sedangkan sebahagian besar masyarakat Malaysia lebih memahami bahasa kebangsaan. Kebanyakan radio swasta pula, menekankan rancangan dalam bahasa Inggeris, kerana mempunyai kepercayaan bahawa rancangan dalam bahasa Inggeris lebih berpengaruh dan mempunyai kuasa beli yang lebih tinggi.

Di samping itu, media elektronik juga dilihat sering kali melakukan kesalahan ejaan dan tatabahasa seperti yang dipamerkan melalui percakapan penyiar, sari kata berita dan filem. Kadangkala, kesalahan itu menyentuh perkataan yang sering digunakan. Hal yang sedemikian ini secara tidak langsung, menunjukkan sikap tidak prihatin pihak editor dan mereka yang mengendalikan rancangan itu terhadap pentingnya penggunaan bahasa yang persis. Sikap media yang memandang bahasa Melayu sambil lewa, serta meminggirkan kepentingan bahasa Melayu, secara tidak langsung turut mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap nilai bahasa Melayu dan peranannya sebagai bahasa kebangsaan. Media sebagai medium penyampai maklumat kepada masyarakat seharusnya berusaha menunjukkan contoh yang baik dalam aspek memartabatkan bahasa Melayu. Media sebagai lidah rasmi bahasa kebangsaan perlu menggunakan bahasa Melayu dengan betul, terutamanya dari aspek ejaan dan sebutan, supaya memaparkan citra keindahan bahasa Melayu dan sekali gus memberi pengaruh yang baik kepada masyarakat Malaysia terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul.

Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara, pelbagai langkah yang konkrit perlu diambil oleh semua pihak untuk memastikan usaha ini berjaya. Langkah pertama

yang perlu diberikan penekanan sewajarnya ialah penegasan dan penguatkuasaan dasar bahasa secara bersepadu. Contohnya, pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi hendaklah diberikan penegasan semula supaya semua urusan rasmi dan majlis rasmi pada peringkat negara mengutamakan penggunaan bahasa Melayu selaras dengan peruntukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun, perlembagaan menjamin kebebasan pembelajaran dan penggunaan bahasa lain kecuali untuk tujuan rasmi. Semua prosiding mahkamah dan dokumen parlimen, serta mesyuarat mesti dilakukan dalam bahasa Melayu. Semua peruntukan tentang bahasa kebangsaan yang terdapat dalam undang-undang negara hendaklah dihormati malah dilaksanakan dengan ikhlas dan jujur oleh semua lapisan masyarakat umum. Usaha lain ada sebarang tindakan yang melemahkan undang-undang tersebut, sama ada melalui pengenalan dasar baharu, pernyataan atau tindakan yang bercanggah dengan undang-undang itu. Hal ini dikatakan demikian kerana sesuatu bahasa tidak boleh dianggap sebagai bahasa rasmi semata-mata kerana terdapatnya peruntukan dalam perlembagaan atau undang-undang negara yang memberikan taraf tersebut. Sesuatu bahasa boleh berfungsi sebagai bahasa rasmi meskipun hal itu mungkin tidak ditakrifkan dalam perundangan negara, dan begitu pula sebaliknya. Ainon Muhammad (2002:44). Namun, sesuatu bahasa menjadi bahasa rasmi, apabila fungsinya memenuhi beberapa kegiatan pada peringkat negara. Oleh sebab itu, sewajarnya semua pihak berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan undang-undang tersebut, supaya hasrat permartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang gah dapat direalisasikan.

Seterusnya langkah yang perlu diambil adalah dengan menyemai sikap sayang dan bangga terhadap bahasa Melayu dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Salah satu bukti tanda sayang dan bangga terhadap bahasa Melayu, adalah dengan cara menggunakan bahasa Melayu seluas-luasnya dalam semua bidang, dan meletakkan nilai yang tinggi terhadap bahasa tersebut. Menurut Kamal Shukri Abdullah Sani dalam Arif Mohamad (2013:38), bahasa mendapat nilai yang tinggi apabila penuturnya sendiri menggunakan bahasa itu pada waktu dan tempat tertentu. Penuturnyalah yang menentukan sama ada bahasa itu mahu digunakan di pasar, di kaki lima atau digunakan sehingga di gedung ternama, hotel, mesyuarat, dan persidangan peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Jika kita sendiri yang menetapkan bahawa bahasa Melayu hanya boleh digunakan ketika makan di warung atau di pondok pengawal dan tidak boleh digunakan dalam mesyuarat, brosur, iklan, atau bungkusan produk, maka kitalah yang merendahkan nilai keagungan bahasa Melayu. Sedangkan bahasa Melayu telah lengkap dari segi korpusnya, untuk digunakan dalam semua bidang. Kitalah sebenarnya yang bersalah kerana membatasi keupayaannya dengan menetapkan secara paksa terhadap had penggunaan bahasa itu. Maka, kita sewajarnya perlu merubah sikap dengan berusaha menggunakan bahasa Melayu seluas mungkin, terutama dalam bidang utama negara.

Selain itu, rakyat Malaysia, terutamanya orang Melayu yakni penutur jati bahasa Melayu hendaklah mengambil langkah positif berusaha memaparkan sikap yang betul dengan menggunakan bahasa yang indah dan baik, sama ada dari segi tatabahasa, sintaksis, ungkapan atau ejaan. Melalui sikap positif tersebut, secara tidak langsung menunjukkan teladan yang baik kepada bangsa

lain untuk menggunakan bahasa Melayu yang betul. Hal ini secara tidak langsung akan mempengaruhi orang bukan Melayu untuk berusaha menggunakan bahasa Melayu dengan lebih baik. Sikap sebegini, sedikit sebanyak memperlihatkan rasa cinta dan bangga akan bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Rasa bangga dan sayang itu akan mencetuskan rasa nasionalisme dan kecintaan yang mendalam kepada negara. Malah rasa bangga terhadap penggunaan bahasa Melayu oleh semua pihak tanpa mengira kaum, sekali gus mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa negara dan menjadi lambang jati diri rakyat negara ini. Selain itu, dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu, pemimpin politik serta golongan elit di negara ini juga, hendaklah berusaha menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan sama ada rasmi mahupun tidak rasmi serta memberi nilai yang tinggi terhadap bahasa Melayu.

Langkah seterusnya adalah melalui peranan media. Seperti kita sedia maklum, media merupakan wadah penyampai maklumat utama di Malaysia. Sifat bidang media, yang mempunyai keupayaan memudahkan penyampaian maklumat kepada khalayak. Melalui sifat ini, sekali gus menunjukkan media mempunyai pengaruh yang besar terhadap masyarakat, terutamanya dari segi pemikiran dan tanggapan tentang sesuatu isu. Sebagai wahana penyampaian maklumat yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, seharusnya media menunjukkan sikap peka dan positif untuk menggunakan bahasa Melayu. Oleh itu, media penyiaran perlu komited untuk menyebarkan penggunaan bahasa yang indah, betul, dan berkesan, dalam usaha membantu meningkatkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. Maka, negara yang bertugas di barisan hadapan sebagai pembaca berita, wartawan penyiaran,

pengacara televisyen dan juruhebah radio hendaklah sentiasa meningkatkan keterampilan dan keupayaan berbahasa supaya mereka akhirnya muncul sebagai penyiar yang unggul dan mampu memikat penonton. Para penyiar perlu bertanggungjawab bukan sahaja untuk menyebarkan maklumat, tetapi juga penyampai yang berkesan melalui penggunaan bahasa yang baik. Selain itu, media juga hendaklah berusaha menghindari rancangan yang melibatkan percampuran kod, atau bahasa rojak. Penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam rancangan utama secara tidak langsung menunjukkan jati diri dan perasaan bangga kita terhadap bahasa Melayu.

Secara tuntasnya, semua pihak harus mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Hal ini bertujuan untuk memastikan martabat bahasa Melayu berada di tempat yang sewajarnya. Selain itu juga, masyarakat perlu menyemai rasa cinta yang kental dan selalu berusaha untuk memelihara bahasa Melayu dan bukan merobohkannya. Seterusnya, masyarakat perlu mempunyai rasa bangga untuk menggunakan bahasa Melayu dalam semua bidang, dan bukannya berasa malu atau mengangap remeh tentang keupayaan dan kedudukan bahasa tersebut. Sikap pesimis, tidak percaya, dan tidak yakin akan keupayaannya hanya melemahkan kedudukannya. Peringatan bahawa bahasa Melayu merupakan lambang kebanggaan kebangsaan dan lambang identiti nasional, maka seluruh rakyat tanpa mengira kaum perlu menyemai sikap bahasa yang positif dan menjunjung bahasa itu sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. **DB**